

Dua dekad capai kegemilangan UMP perkasa bidang TVET

Oleh [Asrol Awang](#) - Mac 17, 2022 @ 11:29am

bhnews@bh.com.my



Duta Besar Jerman ke Malaysia, Dr Peter Blomeyer (tengah) dan Dr Abdul Aziz (dua dari kanan) pada majlis menandatangani MoU antara UMP dan HsMA yang berlangsung secara dalam talian. - Foto ihsan UMP

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan memperkukuhkan peranannya sebagai universiti teknologi dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), sebagai usaha mengangkat agenda pemerkasaan Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) pada semua peringkat.

Hasrat itu bertepatan dengan dasar kerajaan seperti dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sekali gus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Ts Dr Yuserrie Zainuddin, berkata sebagai universiti teknikal yang ditubuhkan pada 2002, UMP menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan kejuruteraan dan teknologi.

Katanya, universiti itu turut memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek industri dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan.

"Sejak dua dekad ini, pelbagai kejayaan dicapai warga universiti dalam meningkatkan citra universiti ke tahap pendidikan tinggi global.

"Selain itu, turut membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri serta menyumbang kepada pembangunan negara.

"Pengantarabangsaan program dual ijazah kini sedang berkembang pesat antara universiti terbaik Asia dengan kebolehpasaran graduannya yang berjaya melepasi 96 peratus mendapat pekerjaan.

"Malah, UMP mempunyai tenaga akademik yang mampu menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berimpak tinggi," katanya.

Yuserrie berkata, UMP sentiasa menambah nilai program akademik melalui proses penanda aras secara berterusan menggunakan model bertaraf dunia.

Katanya, antaranya dengan penawaran program dual Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik UMP dengan Karlsruhe University of Applied Science (HKA) Jerman yang kini memasuki tahun ke-12.

UMP juga telah meluaskan kerjasama akademik dengan pihak HKA dengan penawaran program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dengan kepujian yang dijangka akan ditawarkan bermula Semester I, Sesi Akademik 2022/2023.



Dua dekad Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencapai kegemilangan. - Foto ihsan UMP

"Seterusnya, kerjasama UMP dengan pihak Konstanz University of Applied Sciences (HTWKonstanz) Jerman dan Mannheim University of Applied Sciences (HsMA) bagi memperluaskan kolaborasi akademik pada peringkat antarabangsa," katanya.

Ia turut memperkukuhkan lagi hubungan universiti ke beberapa negara, termasuk China dan Kazakhstan serta bakal diperluas ke Amerika Syarikat dan negara Eropah lain.

"Program dual ijazah ini juga telah diperluas dengan kerjasama pihak Universiti Beijing Jiatong (BJTU) di China, membabitkan bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrikal yang bakal menyumbang terhadap pembangunan industri rel negara.

"Bagi setiap semester, seramai 60 pelajar UMP akan dipilih untuk menyertai program dual ijazah ini dan dijangka dalam tempoh lima tahun seramai 300 graduan dalam bidang kejuruteraan rel dapat dihasilkan.

"Kerjasama melalui Engineering Accreditation Council (EAC) untuk Program Ijazah Kejuruteraan dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) untuk Program Teknologi Kejuruteraan, Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT) sebagai asas badan profesional untuk diiktiraf yang dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran dalam pekerjaan," katanya.

Dalam pada itu, selari dengan hasrat Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman yang menekankan aspek pendigitalan mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), UMP bakal mewujudkan Pusat Kecemerlangan Kampus Pintar sebagai pemangkin kepada pembangunan modal insan dan teknologi.

Usaha ini akan membabitkan kerjasama dengan kerajaan negeri Pahang ke arah mewujudkan bandar pintar. Lima teras yang difokuskan adalah pembelajaran, pengurusan, penjagaan kesihatan, governan dan komuniti pintar.

Beberapa projek anchor, bersifat transformasi digital, termasuk projek 'Made in UMP' yang dihasilkan oleh penyelidik UMP sendiri akan diperkembangkan bagi memanfaatkan komuniti di persekitaran UMP. Ia seiring dengan Pelan Strategik UMP 2021-2025 iaitu Teknologi Untuk Masyarakat.

Bagi Program Pembangunan Siswa Sulung Keluarga Malaysia (SULUNG), Yuserrie berkata, pihaknya memfokuskan usaha membantu pelajar dalam keluarga B40 menjadi individu pertama dalam keluarga menjejak kaki ke menara gading.

Katanya, pelajar yang ditawarkan itu akan mengikuti pengajian program diploma dan ijazah di UMP berpeluang menerima biasiswa Sulung UMP ini. Selain itu, beliau berkata, UMP akan terus mengembangkan inisiatif Yayasan UMP bagi tujuan endowmen dan wakaf pendidikan untuk dimanfaatkan warga mahasiswa dan masyarakat yang memerlukan.

Sejak pelancarannya pada 2016 yang ketika itu dikenali sebagai MyGift, katanya, Yayasan UMP kini berjaya mengumpulkan kutipan semasa berjumlah RM19.37 juta.

"Ia akan diperuntukkan untuk disalurkan bagi pelbagai tujuan termasuklah pembiayaan biasiswa dan Skim Bantuan Insentif Pendidikan bagi mahasiswa yang layak," katanya.

Dalam pada itu, Yuserrie berkata, UMP menjunjung kasih atas persetujuan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menjadi Penaung Diraja Sukarelawan UMP.

Katanya, dengan pelantikan baginda itu, ia seiring dengan hasrat memperkasakan agenda kesukarelawan di universiti itu dengan membabitkan kalangan warga dan di pelbagai peringkat.

KONVOKESYEN UMP KE-15

3,556 graduan (2020) terdiri daripada

234 graduan doktor
falsafah dan sarjana

2,364 graduan sarjana
muda dan diploma

958 graduan
UMP Advanced



Diadakan selama
empat hari
dari **17 hingga**
20 Mac
di Dewan Jubli
Perak Sultan Haji
Ahmad Shah,
Kuantan

UMP sudah
melahirkan
33,573
graduan

QS World University Ranking: Asia (2022)

- > Kedudukan **129 terbaik** di Asia.
- > Kedudukan **9 terbaik** antara universiti di Malaysia.
- > Terbaik antara universiti teknikal (MTUN) di Malaysia.
- > **12 pensyarah** UMP tersenarai antara **2 peratus saintis** terbaik di dunia dalam pelbagai bidang dan disiplin.

****Sumber data** daripada Stanford University yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating 2022

- > Penarafan lima bintang bagi lapan kategori iaitu pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan, pengantarabangsaan, penyelidikan, kemudahan, kekuatan program akademik (Kejuruteraan Mekanikal), inovasi dan inklusif (keterangkuman).